

22/06/2003

3 Naib Presiden ikrar tidak cabar Timbalan Presiden

KUALA LUMPUR: Semua tiga Naib Presiden Umno mengulangi ikrar mereka di depan perwakilan perhimpunan agung parti ke-54 semalam, untuk tidak mencabar sesiapa saja yang dipilih Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri nanti, bagi jawatan Timbalan Presiden Umno pada pemilihan tahun depan.

Ikrar Datuk Seri Najib Razak, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin itu diungkapkan ketika mereka menggulung perbahasan masing-masing pada akhir persidangan.

Ketiga-tiga mereka juga mendoakan kesejahteraan Perdana Menteri dan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Abdullah yang akan mengambil alih kepemimpinan parti dan kerajaan daripada Dr Mahathir Oktober ini, akan menamakan timbalannya pada November.

Najib berkata, beliau menerima sesiapa saja yang dilantik oleh Abdullah sebagai Timbalan Perdana Menteri nanti.

"Sikap dan pendirian saya bahawa, bila sampai masanya nanti, biarlah Pak Lah memutuskan untuk memilih timbalannya. Saya akan menerima dan semestinya kita semua menerima keputusan sesiapa saja yang akan dilantik oleh Abdullah.

"Saya nak tambah lagi, bahawa sesuai dengan amalan tradisi dan kebijaksanaan dalam Umno, sesiapa yang dilantik Timbalan Perdana Menteri, perlulah diterima sebagai timbalan presiden parti Umno.

"Inilah salah satu tradisi yang amat mulia dalam parti dan kebijaksanaan inilah perlu dipertahankan oleh ahli-ahli Umno. Kepada Pak Lah, yakinlah saya dan seluruh ahli parti akan memberi sepenuh sokongan dan kesetiaan untuk terus menerjui negara," katanya.

Muhammad juga berjanji akan memberi sokongan kepada Abdullah yang akan mengambil alih pucuk pimpinan daripada Dr Mahathir dalam tempoh empat bulan lagi.

"Saya berjanji memberi sokongan terhadap apa saja keputusan diambil oleh Pak Lah bagi menjamin kemajuan bangsa Melayu dan negara. Ia juga bagi membuktikan komitmen kepada parti," katanya.

Muhyiddin pula mengingatkan bahawa sokongan padu yang diberi kepada Abdullah harus disusuli dengan memastikan jawatan Presiden yang akan disandangnya nanti tidak dicabar.

"Saya akan beri sokongan penuh dan padu kepada Pak Lah selaku Presiden dan Perdana Menteri. Beliau mampu dan berkebolehan...sir, you definitely can do it" (Tuan, anda pasti dapat melakukannya)," katanya sambil menoleh ke arah Abdullah.

Muhyiddin menegaskan, beliau juga akan menyokong sesiapa saja yang dipilih oleh Abdullah untuk jawatan Timbalan Perdana Menteri.

"Apa..tidak percaya ke?," katanya, merujuk kepada ucapan Ketua Perhubungan Umno Negeri Sembilan, Tan Sri Isa Samad yang merayu supaya jawatan Timbalan Presiden tidak ditandingi, yang menyebabkan dewan gamat dengan ketawa perwakilan.

Datuk Seri Rafidah Aziz yang juga berstatus Naib Presiden selaku Ketua Pergerakan Wanita pula berkata, pergerakan itu turut memberi sokongan sesiapa saja yang menjadi pilihan Abdullah tanpa soal.

"Biarkanlah Pak Lah menentukan pilihannya tanpa desakan dan lobi melobi. Ahli Umno mesti menerima hakikat segala-galanya ditentukan Allah," katanya dalam ucapan penggulungan itu.

Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Hishammuddin Hussein, tidak membuat ucapan penggulung bagi memberi lebih banyak peluang kepada Dr Mahathir menggulung perbahasan.

(END)